

Lailatulqadar lambang kemuncak proses pendidikan Ramadan

UUM/AABG/BH/13.3.2026/P:21(1-3)



Oleh Prof Madya Dr Muhamad Amar Mahmad
bhagama@bh.com.my

Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Ramadan semakin hampir meninggalkan kita. Hari ini umat Islam memasuki hari 23 berpuasa. Minggu ini umat Islam berada pada 10 malam terakhir Ramadan.

Terdapat satu malam sangat istimewa dikurniakan dengan kelebihan luar biasa oleh Allah SWT, iaitu lailatulqadar. Keagungan malam ini dirakam secara jelas dalam Surah al-Qadr yang menegaskan malam itu lebih baik daripada 1,000 bulan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Qadr menyatakan al-Quran diturunkan pada malam penuh kemuliaan dan pada malam

itu malaikat serta malaikat Jibril turun membawa rahmat dan kesejahteraan sehingga terbitnya fajar.

Ulama tafsir menjelaskan ungkapan 'lebih baik daripada 1,000 bulan' bukan sekadar perbandingan retorik, bahkan penegasan kelebihan amat besar diberikan kepada umat Islam.

1,000 bulan bersamaan kira-kira 83 tahun, iaitu hampir menyamai jangka hayat manusia secara purata. Oleh itu, ibadah dilakukan dengan penuh keikhlasan pada malam itu seolah-olah menyamai ibadah dilakukan selama puluhan tahun.

Keistimewaan ini diperkuat melalui sabda Nabi Muhammad SAW diriwayatkan Imam Bukhari dan Muslim: "Sesiapa mendirikan menghidupkan lailatulqadar dengan penuh keimanan dan mengharap ganjaran Allah, maka diampunkan baginya dosanya yang lalu".

Hadis ini memberikan gambaran sangat jelas lailatulqadar bukan sahaja menawarkan ganjaran pahala besar, malah membuka pintu pengampunan ilahi kepada mereka yang berusaha menghidupkan malam itu dengan penuh keimanan dan keikhlasan.

Dalam tradisi Islam, Rasulullah SAW memberikan contoh sangat jelas bagaimana umat Islam seharusnya mencari dan menghargai lailatulqadar. Saidatina Aisyah RA meriwayatkan apabila memasuki 10 malam terakhir Ramadan, Baginda akan meningkatkan kesungguhan dalam beribadah, menghidupkan malam dengan qiyamulail serta membangunkan ahli keluarganya untuk turut sama melakukan ibadah.

Amalan ini memperlihatkan pencarian lailatulqadar bukan suatu usaha bersifat simbolik atau ritual semata-mata, sebaliknya memerlukan kesungguhan spiritual tinggi serta komitmen berterusan.

Selain itu, terdapat riwayat sangat masyhur apabila Saidatina Aisyah RA bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai doa paling sesuai dibaca sekiranya seseorang menemui lailatulqadar.

Baginda menyarankan doa sangat ringkas namun sarat dengan makna: "Allahumma innaka 'afuwun tuhibbul 'afwa fa'fu 'anni" bermaksud "Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf dan menyukai kemaafan, maka maafkanlah aku".

Doa ini mencerminkan inti pati hubungan antara seorang hamba dengan Tuhannya, iaitu pengakuan terhadap kelemahan diri serta harapan yang tinggi terhadap rahmat dan pengampunan Allah SWT.

Ulama hadis menjelaskan terdapat pelbagai pandangan mengenai kemungkinan berlakunya lailatulqadar. Sebahagian riwayat menunjukkan malam itu berlaku pada malam ke-21, 23, 25, 27 atau 29 Ramadan.

Walaupun terdapat pelbagai pandangan, majoriti ulama bersepakat hikmah dirahsiakan tarikh se-



Malam yang penuh keberkatan ini boleh dilihat sebagai momentum transformasi diri. Ramadan secara keseluruhannya berfungsi sebagai proses tarbiah rohani mendidik manusia lebih bertakwa, manakala lailatulqadar kemuncak proses pendidikan spiritual itu

benar lailatulqadar adalah untuk menggalakkan umat Islam menghidupkan seluruh 10 malam terakhir Ramadan dengan ibadah.

Sekiranya malam itu diketahui secara pasti, kemungkinan besar manusia hanya akan memberi tumpuan kepada satu malam sahaja dan mengabaikan malam lain.

Dalam konteks masyarakat moden hari ini, penghayatan terhadap lailatulqadar turut berdepan dengan pelbagai cabaran baharu. Perkembangan teknologi digital dan media sosial mengubah cara masyarakat memperoleh maklumat keagamaan.

Setiap kali menjelang 10 malam terakhir Ramadan, pelbagai dakwaan tandanya sering tular di media sosial.

Fenomena ini menuntut pendekatan pendidikan agama lebih kritikal supaya masyarakat tidak mudah terpengaruh dengan maklumat yang tidak sah.

Tawat ruang refleksi penting kepada manusia
Selain itu, gaya hidup moden dipenuhi kesibukan pekerjaan dan tuntutan kehidupan juga sering menyebabkan manusia kurang memberi perhatian kepada dimensi kerohanian dalam kehidupan mereka.

Dalam keadaan sedemikian, lailatulqadar sebenarnya menawarkan satu ruang refleksi sangat penting kepada manusia untuk kembali menilai tujuan kehidupan serta memperbaharui hubungan mereka dengan Allah SWT.

Malam yang penuh keberkatan ini boleh dilihat sebagai momentum transformasi diri. Ramadan secara keseluruhannya berfungsi sebagai proses tarbiah rohani mendidik manusia lebih bertakwa,

manakala lailatulqadar kemuncak proses pendidikan spiritual itu.

Pada malam inilah Muslim digalakkan melakukan muhasabah secara mendalam terhadap perjalanan hidupnya, menilai kelemahan diri serta memperbaharui azam untuk menjadi insan lebih baik.

Hakikatnya, keistimewaan lailatulqadar adalah manifestasi kasih sayang Allah SWT kepada umat manusia. Dalam tempoh satu malam sahaja, manusia diberikan peluang memperoleh ganjaran pahala melampaui puluhan tahun ibadah.

Peluang luar biasa ini seharusnya mendorong umat Islam mempertingkatkan kesungguhan beribadah serta memperbaharui hubungan spiritual mereka dengan Allah SWT.

Oleh demikian, apabila Ramadan menghampiri penghujungnya, setiap Muslim wajar bertanya kepada dirinya sendiri sama ada peluang besar lebih baik daripada 1,000 bulan ini benar-benar dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Dalam dunia semakin mencabar dan sarat dengan pelbagai gangguan, lailatulqadar mengingatkan manusia kebahagiaan sebenar tidak hanya terletak pada pencapaian material, tetapi pada ketenangan rohani serta keampunan Ilahi.

Akhirnya, lailatulqadar bukan sekadar konsep teologi disebut dalam al-Quran dan hadis, tetapi peluang nyata yang dikurniakan Allah SWT kepada umat Islam pada setiap Ramadan.

Mereka yang memahami nilainya akan berusaha mencarinya dengan penuh kesungguhan, kerana mungkin sahaja satu malam penuh keberkatan itu menjadi sebab kepada keselamatan dan kebahagiaan mereka di dunia serta di akhirat kelak.